

inovasi



Home Dekoponix hiasan tanaman inovatif

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

■ Kuala Lumpur


Home Dekoponix adalah produk hasil inovasi sekumpulan pereka dari Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk proses penanaman pokok herba dengan

menggunakan kaedah hidroponik serta praktikal sebagai hiasan di dalam rumah.

Ketua projek rekaan itu, Prof Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman, berkata kaedah penanaman berkenaan menjadi pilihan kerana tidak menggunakan tanah, menghasilkan tanaman yang bersih dan organik serta tidak memerlukan penjagaan yang rapi. Beliau berkata, set Home

Dekoponix mempunyai variasi produk berdasarkan hidroponik berserta kit keperluan penanaman iaitu kup, kapas, biji benih dan media hidroponik selain produk itu mudah diselenggarakan dengan hanya menambah air serta media bawa air mengikut sukatan yang tetapkan.

"Home Dekoponix direka khas dengan pelbagai



reka bentuk dan warna bagi memberi pilihan kepada pengguna untuk penyesuaian dan koordinasi cita rasa dekorasi rumah anda. Produk ini juga boleh ditempat untuk meletakkan kata ucapan atau logo syarikat sebagai cenderamata untuk tetamu," katanya ketika dihubungi VARSITI, baru-baru ini.

Jimat belanja

Khairul Aidil Azlin berkata, pihaknya mengesyorkan tanaman herba seperti pegaga, ketumbar dan kesum untuk hiasan di ruangan dapur, manakala tanaman seperti salad serta ulam-ulaman sebagai hiasan di atas meja makan yang juga sesuai sebagai hidangan segar dan segera.

"Sebagai tanaman dekorasi, Dekoponix sesuai untuk diletakkan di mana-mana ruang pejabat, bilik atau ruangan tamu dengan penanaman pokok berkenaan boleh dijadikan hobi atau aktiviti keluarga pada hujung minggu," katanya.

Beliau berkata, produk itu dapat menjimatkan perbelanjaan harian dengan pemakanan yang sihat hasil tanaman organik sendiri.

Produk Dekoponix ini adalah hasil reka bentuk daripada kumpulan pereka, iaitu Dr Shahraliz Dolah, Ahmad Zulkarnain Rosli dan Mohd Hafiz Talib dari Jabatan Rekabentuk Perindustrian, Fakulti Rekabentuk dan Senibina UPM melalui kajian pasaran, lakaran idea, pembuatan prototaip dan acuan serta validasi produk terhadap pengguna sejak 2014.



Dekoponix sesuai untuk diletakkan di mana-mana ruang pejabat, bilik atau ruangan tamu dengan penanaman pokok berkenaan boleh dijadikan hobi atau aktiviti keluarga pada hujung minggu"

Prof Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman,
Ketua projek Home Dekoponix